

Kesedaran bayar zakat meningkat, RM420 juta telah diagihkan kepada asnaf

# Kutip RM462j dalam tempoh 6 bulan

Oleh MUHAMMAD NAJIEB  
AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Kutipan zakat Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) meningkat RM462 juta bagi tempoh enam bulan tahun ini berbanding RM423 juta tempoh sama tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, RM59.85 juta daripada jumlah tersebut adalah zakat perniagaan yang menyaksikan peningkatan enam peratus berbanding tahun sebelumnya, RM56.6 juta.

"Melihat kepada peningkatan jumlah kutipan, saya secara peribadi berasa bangga dan bersyukur kerana kesedaran berzakat semakin meningkat dan meluas dalam kalangan umat Islam, tidak kira individu, perniagaan maupun korporat."

"Tentunya komitmen kami di MAIWP, kita akan bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan agihan zakat tersebut dilaksanakan sebaik-baiknya demi kepentingan umat Islam," katanya semalam.



MOHD. NA'IM (dua dari kanan) menyaksikan penyerahan zakat oleh Takaful Malaysia kepada Abdul Aziz pada Majlis Zakat Korporat di Putrajaya semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Na'im berkata, bagi tempoh sama, sebanyak RM420 juta dana zakat telah diagihkan kepada para as-

naf melalui pelbagai skim bantuan.

Sementara itu, Pengurus PPZ-MAIWP, Tan Sri Abdul Aziz Ab-

dul Rahman berkata, sejumlah RM13,040,397.59 zakat perniagaan diterima pihaknya daripada 21 syarikat korporat bagi tahun

2022 dan 2023.

Menurutnya, setakat Januari hingga Jun lalu, pusat berkenaan telah mengutip zakat perniagaan sebanyak RM59,851,357.08 dengan jumlah pembayar sebanyak 2,373 pembayar.

"PPZ-MAIWP amat mengalaukan pembayaran zakat perniagaan daripada syarikat-syarikat korporat demi kemaslahatan asnaf di Wilayah Persekutuan," katanya.

Tambahnya, PPZ-MAIWP turut menawarkan Skim Wakalah atau pengembalian semula wang zakat untuk dimanfaatkan semula kepada mereka yang memerlukan.

"Pembayaran zakat perniagaan serendah RM10,000 dan ke atas boleh mendapat pulangan semula wang zakat sehingga 50 peratus.

"Justeru itu, PPZ-MAIWP menyeru masyarakat Islam khususnya syarikat dan organisasi di Wilayah Persekutuan untuk menunaikan zakat perniagaan mereka di PPZ-MAIWP bagi membantu lebih ramai golongan yang memerlukan termasuklah kakitangan sendiri," ujarnya.